



## **Belanjawan 2023 tetapkan pelaksanaan bantuan tunai langsung - PM**

Oleh Suzalina Halid - Februari 22, 2023 @ 7:46pm  
suzalina@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Sebarang ketetapan bagi pelaksanaan bantuan tunai langsung dalam usaha menghapuskan kemiskinan dalam kalangan rakyat akan diumumkan dalam Belanjawan 2023, Jumaat ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kerajaan komited memastikan bantuan tunai langsung terus disalurkan kepada golongan sasar dalam mendepani cabaran kos sara hidup.

"Setiap manifesto daripada parti politik yang membentuk Kerajaan Persekutuan pada hari ini, akan diperhalusi sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan.

"Kerajaan amat mengambil berat akan kebijakan semua golongan dan lapisan masyarakat terutamanya golongan B40," katanya menerusi jawapan bertulis di Dewan Rakyat.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Zahari Hasan (PN-Padang Rengas) yang meminta menteri kewangan menyatakan adakah kerajaan akan melaksanakan skim bantuan pendapatan asas yang dikreditkan secara automatik setiap bulan kepada semua isi rumah berpendapatan kurang daripada RM2,208 sebulan untuk menghapuskan kemiskinan.

Pada masa sama, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan memperkenalkan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) yang menekankan pendekatan Rahmah dalam membela nasib kumpulan kurang berkemampuan terutamanya golongan rentan dan mudah terjejas.

Beliau berkata, melalui STR, sebanyak 8.7 juta penerima golongan B40 dengan pendapatan bulanan di bawah RM5,000 menerima pembayaran fasa pertama dengan implikasi kewangan bernilai RM1.67 bilion mulai 17 Januari lalu.

"Selain itu, selain STR, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan skim bantuan kanak-kanak sehingga RM1,000 tiap bulan kepada keluarga miskin.

"Skim itu merangkumi mereka yang berpendapatan di bawah PGK (pendapatan garis kemiskinan) makanan, iaitu RM1,169 sebulan," katanya.

Anwar berkata, bagi tahun 2022 pula, kerajaan sudah menyalurkan RM8 bilion bagi pelaksanaan bantuan tunai langsung kepada 8.7 juta penerima yang bertujuan untuk meringankan kos sara hidup dan beban kewangan rakyat pasca pandemik.